

Malaysia tak tolak ansur isu perairan Laut China Selatan

PM tegaskan sebarang pertikaian diselesaikan di meja rundingan

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Shah Alam: Kerajaan sekali lagi menegaskan, Malaysia tidak akan bertolak ansur berhubung isu perairan Laut China Selatan yang kini menjadi pertikaian dengan China.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kedua-dua negara setuju sebarang pertikaian diselesaikan di meja rundingan.

“China menyatakan ada yang bertindih, jadi kalau begitu kita berbincang tetapi tidak menghalang kita teruskan projek,” katanya selepas hadir pelancaran Program Kita Untuk Kita di PPR Kampung Baru Hicom, semalam.

Perdana Menteri berkata demikian ketika mengulas kenyataan Pengerusi Perikatan Nasional, Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang mendakwa Anwar mengeluarkan kenyataan yang cuai berhubung kedudukan negara di Laut China Selatan.



Anwar bersama penduduk pada pelancaran Program Kita Untuk Kita di PPR Kampung Baru Hicom, semalam.

(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

Muhyiddin dalam satu kenyataan berkata, implikasi kenyataan Anwar itu secara tidak langsung memperakui tuntutan China terhadap kawasan yang sudah sah wilayah Malaysia yang mesti dipertahankan.

Anwar berkata, jelas kenyataan Muhyiddin itu tidak bersandarkan kenyataan sebenar beliau dalam isu berkenaan.

“Muhyiddin ini, dia banyak

masalah sekarang, dia tak baca kenyataan saya, ...tiada langsung saya sebut saya nak tolak ansur dan ini yang saya sampaikan kepada pemimpin-pemimpin China, yang tidak dilakukan beliau (Muhyiddin).

“China menyatakan ada bertindih, jadi kalau begitu kita berbincang, tetapi tidak menghalang untuk kita teruskan projek.

“Projek tetap berjalan, jadi apa yang tidak kita kompromi kerana projek cari gali PETRONAS tetap

berjalan di kawasan yang kita percaya milik negara,” katanya.

Anwar menegaskan isu seumpama itu tidak akan berbangkit jika pihak pembangkang menunjukkan kehadiran yang positif di Parlimen.

“Ini masalah pembangkang yang dia tidak dapat tumpukan, tak hadir parlimen, tak dengar pandangan dan tak baca ulasan kerana kita konsisten sebut projek cari gali diteruskan,” katanya.